

08 MAY 2003

Hotel-SARS/I

INDUSTRI PERHOTELAN M'SIA TERJEJAS SEDIKIT AKIBAT SRAS, KATA MAH

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Industri perhotelan di negara ini kerugian kira-kira RM82.7 juta hasil pendapatan termasuk makanan, minuman dan kerugian lain sepanjang April tahun ini akibat wabak Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS), kata Presiden Persatuan Hotel-Hotel Malaysia (MAH), Mohd Ilyas Zainol Abidin.

Beliau berkata nilai kerugian perniagaan membabitkan kadar penginapan bilik berjumlah RM49,646,578 juta manakala makanan, minuman dan lain-lain sebanyak RM33,097,719 juta, menjadikan jumlah kerugian pendapatan sebanyak RM82,744,97 juta.

Pada keseluruhannya kadar penginapan hotel di seluruh negara juga merosot sebanyak 19.9 peratus pada April kepada 41.65 peratus berbanding 61.54 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas, katanya pada sidang media bagi mengumumkan statistik mengenai kesan SARS ke atas industri perhotelan negara di sini hari ini.

MAH yang menganggotai pelbagai pasukan petugas kerajaan mengenai SARS seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Ekonomi Negara, telah diminta oleh kerajaan menjalankan kajian dan mengemukakan hasilnya kepada kerajaan.

Mohd Ilyas berkata kajian pertama di seluruh negara itu dijalankan pada 2 Mei lepas.

Bagaimanapun katanya kajian itu hanya dijalankan ke atas kira-kira 60 peratus daripada 60,272 bilik di 307 hotel milik MAH yang membabitkan 71 hotel lima bintang, masing-masing 74 kategori hotel empat dan tiga bintang dan 88 lagi dalam kategori lain.

"Laporan itu mencerminkan trend industri perhotelan, terutama membabitkan hotel lima, empat dan tiga bintang," katanya.

Mohd Ilyas juga berkata belum ada di kalangan 80,000 pekerja dalam industri perhotelan yang telah diberhentikan kerja setakat ini.

Beliau berkata industri itu sedang berusaha sedaya-upaya untuk mengelak pembuangan pekerja dan berharap kerajaan akan membantu usaha itu menerusi pakej rangsangan yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Sebagai langkah penjimatan kos, Mohd Ilyas berkata para pekerja diberikan cuti tahunan dan cuti tanpa gaji secara sukarela selain diminta menjalankan pelbagai tugas.

MAH juga mahu kerajaan membantu dalam bidang tertentu seperti menunda cukai kerajaan sebanyak lima peratus dan tabung pembangunan sumber manusia selama setahun selain mengurangkan kadar pinjaman asas kepada industri terbabit, katanya.

Mohd Ilyas berkata MAH berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana meminta agensi-agensi kerajaan menganjurkan majlis di hotel selain mempercepatkan acara-acara itu.

Beliau berkata persatuan itu kini mengenal pasti pakej-pakej menarik untuk ditawarkan kepada kerajaan bagi menganjurkan seminar dan majlis-majlis lain.

Hotel juga menawarkan pakej untuk mempromosikan pelancongan domestik menerusi bantuan syarikat penerbangan dan agensi pelancongan tempatan terutama sempena cuti sekolah tidak lama lagi.

"Satu pasukan petugas khas pemasaran sudah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Krisis Pelancongan yang dianggotai MAH bagi memperkenalkan pakej-pakej pelancongan domestik serta memasarkan pakej yang serupa membabitkan

destinasi tertentu di rantau ini," katanya.

Mengenai sama ada penurunan kadar penginapan di hotel membantu industri itu, beliau berkata: "ia mungkin tidak membantu kerana bahagiannya sangat kecil."

Ditanya jika situasi semasa tidak berubah, Mohd Ilyas berkata MAH akan memperkenalkan langkah yang lebih ketat untuk memastikan industri itu terus hidup.

-- BERNAMA

HM AHH LAT